



Kedudukan tayar lori selepas ditembak polis.

## Langgar 15 kenderaan

SUBANG JAYA - Macam tengok filem aksi Hollywood!

Itulah boleh digambarkan terhadap insiden melibatkan sebuah lori melanggar 15 buah kenderaan yang diparkir di kawasan sekitar pangsupuri USJ1 gara-gara mahu melarikan diri daripada diperiksa polis.

Semua itu terpapar dalam video kejadian berdurasi 4.07 minit itu tular di media sosial hingga mengundang pelbagai reaksi netizen.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Azlin Sadari berkata, lori lebih muatan terbahit dikesan di Batu 9 Cheras sebelum diarahkan berhenti

oleh anggota Polis Trafik Kajang.

Menurutnya, lori terbabit enggan berhenti sebaliknya meneruskan perjalanan dari Kajang hingga ke USJ1, Subang Jaya.

"Anggota polis terpaksa meminta bantuan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya sebelum dua kereta peronda (URB) Subang Jaya berages ke lokasi kejadian.

"Anggota terpaksa melepaskan tembakan ke arah tayar lori yang sebelum itu merepuk kira-kira 15 kenderaan diletakkan di sepanjang bahu jalan," katanya pemandu meneruskan perjalanan tanpa mempedulikan arahan pihak polis.

## BN mampu tawan Meru

SHAH ALAM - Barisan Nasional (BN) menjangkakan dapat mengambil alih Dun Meru meskipun berdepan dengan pertembungan lima penjuror pada 9 Mei nanti.

Calon BN Dun Meru, Khairul Anuar Saimon menyifatkan pertembungan lima penjuror di Dun Meru mempunyai kelebihan tersendiri meskipun kesemua calon adalah muka baru.

"Persaingan ini suatu yang menarik sebab semua parti mencalonkan muka baru untuk menawan Meru.

"Meskipun saya calon baru tetapi saya sudah lama di Meru. Cuma saya hanya baru bertanding dalam pilihanraya," katanya ketika sesi FB Live bersama *Sinar Harian*, semalam.

Beliau yang berada di Meru hampir 30 tahun tidak melihat undian pada PRU14 memberi kelebihan kepada BN berbanding parti lain.

"Agak mustahil kalau ada calon yang tidak mendapat sebarang undian kerana setiap pecahan pengundi beralih kepada lima bahagian.

"Penilaian BN boleh dibuat berdasarkan bilangan pengundi tegar, cuma agak sukar bila melibatkan pengundi atas pagar," katanya.

Menurutnya, sebagai calon baru, pihaknya perlu bekerja keras dalam mendapatkan kepercayaan pengundi meskipun sudah berada lama di Meru.

"Saya menggunakan semua medium dalam mengerjakan kempen selain bersemuka dengan penduduk.

"Namun, saya juga meneruskan aktiviti kempen seperti biasa dan program yang di-



KHAIRUL ANUAR

jalankan ini bukan sahaja untuk musim pilihan raya ini," katanya.

Tambah Khairul, beliau turut yakin pengundi Meru akan melakukan perubahan pada 9 Mei nanti bagi mendapatkan perubahan di Dun Meru.

"Saya yakin pengundi akan menunjukkan momentum perubahan yang mereka akan lakukan kepada parti yang sedia ada menjelang PRU14 nanti," katanya.

Beliau yang akan bertanding bersama Noor Najhan Mohd Salleh (Pas), Mohd Fakhrurazi Mohd Mokhtar (Harapan), Alex Shee Chee Weng (Bebas) dan PRM diwakili, S Manikavasagam pada PRU14 nanti.

# Masyarakat terima Pas

## Sokongan anak muda Kuala Langat semakin meningkat

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Keyakinan Pas dalam menerajui kepimpinan di Kuala Langat ternyata membuahkan hasil apabila sokongan masyarakat terutama anak muda di daerah itu dilihat terus meningkat.

Perkara itu diakui calon Pas bagi kerusi Parlimen Kuala Langat, Datuk Dr Yahya Baba yang mengakui sokongan anak muda menjelang saat-saat akhir hari pembuangan undi terus meningkat.

Menurutnya, fokus perlu dipertingkatkan untuk mena-

rik kepercayaan dan sokongan belia apabila golongan itu antara peratusan pengundi tertinggi iaitu sebanyak 40 peratus.

"Hari terakhir kempen, kita masih mahu dekat dengan mereka, dan percaya kumpulan itu sudah mula sedar kepentingan agama dalam kehidupan mereka.

"Sepanjang berkempen, saya lihat sokongan anak muda nampak hebat, baik dan bukan setakat dikenali parti Pak Lebai sahaja tetapi kami terdiri daripada calon profesional dalam kalangan doktor," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui bertemu pengundi dalam kalangan peniaga, pengusaha kedai dan pelanggan di sekitar Pekan Banting.

Yahya yang pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) dan juga bekas Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang berkata, beliau



Yahya ketika bertemu pengundi di Pekan Banting, semalam.

terkejut melihat sokongan pengundi hari ini luar biasa dengan penyertaan anak muda yang mula membantu untuk kempen Pas.

Katanya lagi, aktiviti berjumpa pengundi di saat-saat akhir sebenarnya antara strategi yang boleh mengubah fikiran pengundi dengan

menjelaskan 10 manifesto yang dibawa Pas untuk menerajui kesejahteraan Selangor.

"Pada masa yang sama, saya harap masyarakat terus bersama Pas, dan mengelakkan diri daripada terus mempercayai fitnah. "Saya lihat media sosial

hari ini antara platform yang digunakan untuk menyebarkan fitnah sehingga menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat," katanya.

Apa yang penting, Yahya menggesa rakyat memilih calon tempatan yang benar-benar mampu berkhidmat kepada rakyat di daerah itu.

Katanya lagi, kebanyakan pengundi yang berjumpa dengannya ketika mengadakan lawatan ke tempat awam, atau di program-program walkabout tidak melepaskan peluang memberi semangat kepadanya dan gandingan dua lagi calon Pas dalam beroleh kemenangan pada PRU14 ini.

Selain Yahya, Calon Pas Dun Morib, Dr Mohamad Sallehuddin Hafiz dan Calon Pas Dun Sijanggang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi antara tiga nama besar berstatus doktor dalam kalangan calon Pas yang bakal dipilih oleh pengundi pada 9 Mei nanti.





HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920 / 019 6680275

## Ikrar selesai masalah nelayan

**Perkasa pembangunan, kebajikan nelayan jadi keutamaan**

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

**G**olongan nelayan di Kuala Langat berharap wakil rakyat yang akan menerajui kawasan itu nanti dapat menyelesaikan beberapa isu yang membelenggu mereka selama ini.

Permasalahan itu diungkapkan golongan itu ketika bertemu calon BN Parlimen Kuala Langat, Shahril Hamdan.



Mengambil berat perihal itu, Shahril berkata, kebajikan nelayan dan pembangunan di kawasan itu akan terus dilaksanakan di bawah kepimpinan BN sekiranya diberi mandat pada PRU14.

"Isu keperluan membaik pulih jeti yang dahulunya dibina dan dibangunkan oleh BN kebanyakan tidak dapat dinaik taraf disebabkan pelbagai halangan daripada kuasa pentadbiran.

"Bagi saya ini bukan soal kebajikan nelayan sahaja tetapi soal keselamatan, ada yang pergi jeti tu bukan nelayan, kalau pagar pun tiada, tangga pun retak. Jadi, soal keselamatan pun perlu diperjuangkan, dan itu bukanlah perkara sukar untuk dilaksanakan," katanya.

Mengulas lanjut, Shahril berkata, antara masalah lain yang dihadapi oleh nelayan di daerah ini termasuklah



Shahril sempat bersalaman bersama nelayan yang hadir.

ancaman pukat tunda.

"Kerana sebab itu, tema utama dalam kempen saya sepanjang berkempen adalah membantu meningkatkan pendapatan rakyat di Kuala Langat mengikut kesesuaian dengan satu matlamat yang sama iaitu menjana pen-

dapatan rakyat di daerah ini.

"Bagi saya lawan kita bukan calang-calang orang dan di media sosial, di ceramah mereka akan serang peribadi saya, tapi tak mematahkan semangat saya untuk berjuang namun tidak dengan memburukkan parti lawan,"

katanya.

Bagi nelayan, Ahmad Itam 52, dia berharap kebajikan dan keselamatan nelayan diambil kira selepas 10 tahun mereka dahagakan pembangunan di kawasan ini.

Menurutnya, bila calon datang berjanji untuk memberi penekanan utama kepada nelayan, dia cukup gembira.

"Tak kisah calon itu muda atau calon lama, apa yang penting beliau dapat memenuhkan janji dan membantu nelayan pelbagai peringkat umur di sini," katanya.

Bagi Mohd Shandan Mohd Yatim, 32, pula, sebagai orang muda sudah semestinya mahukan wakil rakyat yang punya idea kreatif untuk menambah pendapatan rakyat.

Mereka ditemui dalam Majlis Mesra Pengurusan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri

Selangor bersama nelayan dan penyampaian Touch Point di Jeti Pengkalan Nelayan Kampung Kelanang, semalam.

Hadir sama Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Mohd Arif Adenan dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Langat, Mohd Jaman Haris.

Seramai 100 orang nelayan menerima bantuan termasuk jaket keselamatan, tong minyak, lampu pukat dan sebagainya.



Wacana Sinar  
56

SEMUA DIUNDANG HADIR



**MODERATOR**  
Prof Madya Datuk  
Dr Ismail Sualman  
Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi  
dan Pengajian Media UTM

**Tan Sri Musa Hassan**  
Bekas Ketua Polis  
Negara

**Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud**  
Ketua Kluster Govenmans,  
Perundangan dan Pengurusan  
Awam, Majlis Profesor Negara (MPN)

**Dr Mazlan Ali**  
Pensyarah Kanan Sekolah  
Perdana UTM dan Panel  
Perunding Politik MPN

# SENARIO PAGI 10 MEI: APA BAKAL BERLAKU?

TARIKH: 8 MEI 2018 (SELASA) • MASA: 3.00 - 5.00 PM • TEMPAT: Dewan Karangkruf, Kumpulan Media Karangkruf, Seksyen 15, Shah Alam

HUBUNGI: ZAILA (019-7904669) / HAFIZ (018-3552990) UNTUK HADIR KE WACANA INI

Saksikan secara  
langsung di



Sinar  
www.sinarharian.com.my